

20/03/2004

BN Pahang yakin tawan semula lapan kerusi DUN

Sariha Mohd Ali

KESIBUKAN Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, menghadiri kempen pilihan raya selama lapan hari bermula 13 Mac lalu, menyebabkan beliau sukar ditemui. Selain memberi tumpuan di kawasan yang ditandinginya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelangai, Bentong, Adnan juga perlu turun melawat kawasan lain segenap ceruk Pahang bagi memberi sokongan moral kepada calon Barisan Nasional (BN) yang bertanding. Kesempatan mengikuti lawatan singkatnya ke DUN Beserah, di Kuantan petang kelmarin, memberi peluang Wartawan Berita Harian, SARIHA MOHD ALI menemubualnya, berhubung perjalanan pilihan raya, peluang kemenangan dan ciri wakil rakyat yang diperlukan BN.

BH: Beserah antara DUN di Pahang yang disifatkan berada dalam kawasan kelabu. Sepanjang lawatan singkat ini, apa pandangan Datuk Seri terhadap penerimaan pengundi terhadap BN?

MB: Saya tinjau persiapan bilik gerakan dan cawangan di DUN Beserah. Secara amnya, saya kira pengundi sudah terima BN. Contohnya, Kampung Darat Jering kini sudah boleh ditembusi BN. Ini petanda baik bagi BN, bukan untuk saya sebagai MB atau Datuk Faisal Abdullah (calon DUN Beserah). Jika semua bilik gerakan dan parti di semua cawangan dapat bergerak baik, BN akan dapat sokongan dan undi yang banyak dalam pilihan raya kali ini.

BH: Adakah tandanya Beserah sudah kembali sepenuhnya kepada BN berdasarkan sambutan pengundi di situ sekarang.

MB: Kita tak boleh buat kesimpulan berdasarkan lawatan secara rambang tapi kita lihat di sebalik itu, parti pembangkang juga tak berapa aktif di sini. Biasanya dalam kempen pilihan raya ada ceramah, kempen rumah ke rumah, naikan bendera atau poster dan kegiatan ini sedikit sebanyak menggambarkan kekuatan dan kesungguhan parti yang bertanding. Di sini, dari segi psikologinya, kita dapat tempat lebih banyak berbanding pembangkang. Contohnya, tempat yang kita tak pernah pijak dulu, kita boleh pijak dan ini bukan satu perkara yang boleh dibuat-buat oleh sesiapa pun. Maknanya pada keseluruhannya, beberapa tempat yang kita tinjau, mendapat sokongan untuk calon BN.

BH: Bagaimana peluang Pahang secara keseluruhannya? Masih adakah kawasan yang disifatkan sebagai 'berat' untuk dimenangi?

MB: Kadang-kadang kita tak boleh tentu kerana ini undi. Sekarang tidak dapat tentukan ke mana akan pergi (undi) itu, tapi berdasarkan kajian kita, Insya-Allah...dulu kita ada 38 kerusi DUN, rakyat beri kemenangan kepada BN 30 kerusi dan lapan kita kalah. Sekarang, kita tambah empat kerusi baru DUN dan tiga kerusi Parlimen. Saya yakin kali ini, kita akan dapat balik kawasan yang kalah dulu. Tapi, saya akui secara ikhlas, ada dua tiga kawasan yang saya dapati ada persaingan hebat antara BN dan pembangkang pada peringkat DUN dan di peringkat Parlimen, ada satu dua kawasan yang kita mungkin bersaing hebat. Yang lain tu, saya yakin Allah akan beri kemenangan kepada kita.

BH: Apa bahan kempen Pas kali ini yang dikatakan menyukarkan BN untuk memberi penjelasan kepada pengundi?

MB: Pas sudah keluarkan satu buku bertajuk 'Isu-isu Negeri Pahang'. Yang menariknya, isu buku itu dipetik daripada lidah rasmi Pas, Harakah. Ini semua kita tak boleh pakai kerana semua petikan ini autoritatif, bukan mestinya betul. Kalau adapun yang dipetik daripada rekod sidang DUN, rekod itu dipetik setakat yang nampak dan boleh memberi sokongan kepada mereka, ia tak dipetik keseluruhannya. Insya-Allah, BN akan menyiarkan jawapan

kepada semua perkara dibangkitkan. Contohnya, mereka kata kerajaan negeri kerugian premium balak kerana tidak dikenakan premium sewajarnya sedangkan kita tahu, premium yang dikenakan Pejabat Perhutanan Pahang berdasarkan anggaran.

Contohnya, satu ekar boleh keluarkan 3,000 atau 5,000 tan balak. Kalau takdirnya bila pembalakan dilakukan dan keluarkan 6,000 tan, jadi beza 1,000 tan itu dianggap keuntungan kepada kontraktor pembalakan. Tapi, kalau keluar 4,000 tan, ia bawa keuntungan kepada kerajaan dan kerugian kepada pembalak. Ini tak dapat dielak kerana kita tak bilang pokok balak itu sebelum ditebang dan kemudian kenakan premium.

BH: Jadi apa yang Datuk Seri boleh jelaskan mengenai isu ini?

MB: Kita perlu ingat, kerajaan perlukan premium pembalakan untuk bayar gaji kakitangan kerajaan, untuk buat projek pembangunan, maka amalan selama ini adalah berdasarkan kepada anggaran saja dan perkara ini ditegur Ketua Audit Negara dalam Laporan Audit pada 1998. Pada tahun 2000, kita ambil tindakan iaitu, Pejabat Perhutanan anggarkan satu ekar boleh keluar 5,000 tan balak, tiba-tiba keluar 6,000 tan dan yang 1,000 tan itu kerajaan akan kenakan premium tambahan.

Apa yang pembangkang bawa cerita tahun 1997 yang ditegur pihak audit dan kita sudah ambil tindakan. Ini sebagai contoh pembohongan.

BH: Jadi, adakah isu yang dibangkitkan pembangkang itu sebagai lapuk.

MB: Bukan saja lapuk tapi bohong dan tidak tepat. Kerajaan terpaksa jawab kerana jika berdiam diri, kerajaan, bukan BN tapi kerajaan kerana tuduhan ini kepada kerajaan. Saya masih lagi MB sehingga 21 Mac. Saya wajib menjawab. Jika tak, seolah-olah kita melakukan perkara yang tak benar seperti dituduh.

BH: Bagaimana jawapan itu dikeluarkan

MB: Kita akan keluarkan jawapan menjelang hari mengundi dalam bentuk buku atau risalah. Kita buat cara betul. Ada nama penerbit dan alamatnya, bukan macam Pas. Tapi kita tak akan bawa kes ini ke mahkamah. Pas jangan bimbang tapi kalau lebih-lebih tu, lainlah...Ini politik dan ini waktu pilihan raya.

BH: Berbalik kepada risalah Pas itu. Sekiranya Pas mengedarkannya kepada pengundi, adakah ini memberi kesan kepada BN?

MB: Yang saya tahu, Pas edarkan 1,000 naskhah ke bilik gerakan mereka sebagai panduan untuk berkempen kepada orang ramai, untuk berceramah.

BH: Dalam beberapa ucapan, Datuk Seri tekankan calon tidak penting kerana yang penting adalah parti. Adakah wujud masalah penerimaan calon baru di kalangan pengundi?

MB: Saya sebut calon tak penting sebaliknya parti lebih penting kerana setiap kali pilihan raya ada perubahan calon. Kita lihat, contohnya, Perdana Menteri (PM), daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad, dan sekarang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Mana ada jadi PM seumur hidup. Ia sentiasa bertukar tapi kerajaan berterusan. Dasar dan pelaksanaan dasar saja yang berbeza.

Begitu juga calon. Di Beserah misalnya sudah tujuh lapan tokoh wakili DUN Beserah dan kali ini, sampai masa giliran Faisal jadi calon. Kalau dia menang nanti, kita akan pastikan dia kerja kuat. Sekarang PM dah kata wakil rakyat kena kerja kuat. Tiga bulan sekali kena buat laporan.

BH: Di Pahang, bagaimana Datuk Seri hendak memantau prestasi wakil rakyat kerana faktor geografi yang luas?

MB: Saya gunakan semula mekanisme lama. Semua calon sudah menandatangani satu surat peletakan jawatan yang tak bertarikh termasuk saya dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana dia juga calon dari Pahang.

Soal kesahihan undang-undang, itu hal lain. Pokoknya, kalau tiga, empat bulan kita terima banyak laporan rakyat, kita siasat dan jelas wakil

rakyat tak jalankan tugas, yang perlu saya buat hanya letakkan tarikh, serah pada Speaker DUN, maka kawasan itu akan diisytiharkan kosong dan kita boleh adakah pilihan raya kecil.

BH: Maknanya, pada bila-bila masa boleh tukar wakil rakyat kalau gagal memberi perkhidmatan terbaik?

MB: Ya..wakil rakyat boleh kena tukar sebelum cukup penggal. Pilihan raya kecil juga boleh diadakan tanpa perlu menunggu wakil rakyat meninggal dunia. Ini saya akan buat. Sama ada sah di sisi undang-undang atau tidak, itu soal lain dan itu boleh dipertikaikan di mahkamah walaupun mahkamah satu masa dulu pernah memutuskan kes sebegini tak sah, tapi kita tengoklah...

BH: Kenapa kerajaan BN bertindak begitu keras?

MB: Ini untuk tunjukkan kesungguhan kita kalau dipilih berkhidmat kepada rakyat. Kadang-kadang manusia ni kalau tidak dicemaskan, dia tak buat kerja. Begitu juga wakil rakyat, kalau tak diingatkan dia tak buat kerja.